

Usah ghairah minta naikkan tambang

B.H 10 SEP 1992

KUALA LUMPUR, Rabu — Pengusaha kenderaan awam harus membetulkan sikap mereka dengan mengkaji bagaimana mengurangkan kos perkhidmatan bagi menyesuaikan dengan kadar tambang sekarang, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga minyak tidak boleh dijadikan alasan utama untuk menaikkan kadar tambang kerana ia hanya sebahagian daripada kos.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pengusaha pengangkutan awam, khususnya pemandu teksi, supaya jangan terlalu ghairah dengan tuntutan menaikkan kadar tambang.

"Kalau diperhatikan di sesetengah negara, apabila kos naik mereka mencari jalan lain untuk menurunkan perbelanjaan, misalnya di Jepun, apabila harga minyak naik, mereka mencari jalan menjadi lebih cekap sehingga boleh bersaing dengan orang lain.

"Begitu juga apabila nilai mata wang yen naik sehingga 100 peratus, bawahan Jepun masih juga murah dan boleh bersaing dengan orang lain.

"Kita juga mesti mem-

punyai sikap begitu. Kita mesti kaji mengapa kos kita tinggi. Apakah kos teksi semata-mata bergantung kepada harga minyak? Sudah tentu tidak, kerana harga minyak hanya sebahagian kecil saja daripada perbelanjaan untuk menjalankan perkhidmatan teksi," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan perhimpunan sambutan Maulidur Rasul 1413 Hijrah peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka, di sini, hari ini.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan sama ada Kabinet sudah dimaklumkan mengenai formula tambang pengangkutan awam yang dirangka Kementerian Perusahaan Awam.

Katanya, jika pengusaha dan pemandu teksi mempunyai sikap sedemikian, perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini menjadi lebih cekap.

"Kalau setiap kali harga minyak naik lima peratus, kita naikkan (kadar tambang) lima peratus, tetapi apabila (harga minyak) turun kita tak turunkan kadar tambang, ini yang jadi masalah dalam negara kita," katanya.

Dr Mahathir juga mahu

pengusaha dan pemandu kenderaan awam meningkatkan mutu perkhidmatan sebelum mendesak kerajaan menaikkan kadar tambang.

"Nasihat ini bukan semata-mata untuk orang ramai, ini baik bagi diri mereka juga kerana kalau perkhidmatan teksi baik, lebih ramai orang akan naik teksi dan pendapatan mereka bertambah," katanya.

Mengenai cadangan kakitangan Pos Malaysia Berhad membayar sebahagian wang pemohon saham MIDFCCS berjumlah \$400,000, Dr Mahathir berkata, keputusan itu terletak di tangan kakitangan sendiri.

"Persetujuan pemimpin Kesatuan Sekerja Pos Malaysia tidak boleh dikira sebagai persetujuan seluruh kakitangan. Terpujang kepada kakitangan sendiri, sesiapa yang sukarela mahu menyumbang, boleh berbuat demikian. Tetapi mereka tidak boleh dipaksa.

"Kita menganggap jika mereka sukarela membayar, ia adalah suatu perbuatan yang harus dipuji, menunjukkan betapa mereka bertanggungjawab dan ini adalah titik permulaan yang baik bagi Pos Malaysia," katanya.